

12/08/2002

Pertubuhan, pendidik Cina kesal dakwaan Pemuda Umno

KUALA LUMPUR, Ahad - Pendidik Mandarin mendakwa pertubuhan serta masyarakat Cina menjadi mangsa media dan parti politik tertentu kerana dilabel bersikap perkauman kerana menentang pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) kesal dengan tindakan Pemuda Umno yang didakwa memutarbelitkan kenyataan pengerusi Dong Zong, Quek Suan Hiang untuk menuduhnya sebagai "pelampau dan berbau hasutan".

Dalam satu kenyataan hari ini, Dong Zong mendakwa Pemuda Umno memutarbelitkan kenyataan Quek bagi mengalihkan perhatian rakyat daripada isu bantahan terhadap pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Merujuk kepada laporan muka depan Berita Harian Khamis lalu, pergerakan Pemuda Umno menuduh kenyataan Quek berhubung isu itu sebagai "melampau, lari daripada isu sebenar dan berbau hasutan".

Dalam laporan itu, ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, dikatakan mendakwa bahawa Quek memberi gambaran kerajaan Malaysia mahu melaksanakan proses penyerapan seperti dasar kerajaan Indonesia terhadap masyarakat Cina di republik itu.

Hishammuddin dilaporkan berkata Quek cuba menghasut dan mengapi-apikan emosi masyarakat Cina dengan menabur fitnah terhadap sekolah wawasan serta membayangkan seolah-olah kerajaan akan menutup sekolah Cina di negara ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada kumpulan Cina supaya tidak bermain api perkauman dengan mengaitkan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan dengan kedudukan sekolah Cina.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang akan mengambil tindakan jika isu yang dibangkitkan itu boleh menimbulkan huru hara di negara ini dan turut mengingatkan akhbar supaya tidak diperalatkan kumpulan terbabit.

Awal bulan ini, 38 persatuan Cina di seluruh negara, termasuk Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS), Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), membantah hasrat kerajaan melaksana pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di SRJK kerana kononnya boleh menjejaskan kedudukan sekolah Cina.

Bagaimanapun, semalam Dr Mahathir menegaskan kerajaan akan tetap melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah termasuk di sekolah jenis kebangsaan (SRJK) bermula tahun depan seperti dirancang.

Mengenai dakwaan MCA tidak bersungguh-sungguh menerima baik penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di semua sekolah termasuk SRJK, Dr Mahathir berkata, beliau akan menyelesaikannya dengan parti itu.

Sementara itu, Pengetua Kolej New Era, Dr Kua Kia Soong berkata akhbar tertentu cuba menggambarkan kumpulan pendidik Mandarin sebagai satu-satunya golongan yang menentang hasrat kerajaan itu.

Katanya, akhbar berkenaan masih menggunakan kenyataan Dr Mahathir tidak lama dulu yang melabelkan kumpulan pendidik Mandarin yang menentang penubuhan sekolah wawasan sebagai ekstremis.

Jelas beliau, akhir-akhir ini surat khabar berbahasa Melayu sering menyiarkan kenyataan menteri dan pegawai kanan kerajaan yang mempersoalkan kenapa masyarakat Cina begitu sukar menerima pelaksanaan baru itu.